

TEKS UCAPAN
BRIG. JENERAL DATUK PROF DR KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA MAJLIS PENGHARGAAN PESARA 2014 UniMAP-JASAMU
DIKENANG
21 OKTOBER 2014
HOTEL SERI MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP.

SALUTASI

Yang Berbahagia Timbalan- timbalan Naib Canselor

Yang Berusaha En. Zuber Haji Mohamed, **Pengerusi Sekrtariat Majlis Penghargaan Pesara 2014 UniMAP-Jasamu Dikenang**

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP

Dekan-dekan dan ketua-ketua Jabatan

Pesara-pesara 2014 yang diraikan

Seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya, maka pada petang yang indah ini dapat kita bersama-sama

hadir memeriahkan Majlis Penghargaan Pesara 2014 - Jasamu Dikenang UniMAP.

2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat Sekretariat Jabatan Pendaftar di bawah pengurusan En. Zuber Haji Mohamed dan semua barisan Jawatan Kuasa yang terlibat kerana telah berjaya menganjurkan majlis ini untuk menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh pesara-pesara yang merupakan staf UniMAP disepanjang tempoh berkhidmat di universiti yang disayangi ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

STAF ADALAH ASET DAN BUKAN LIABILITI

3. Sesungguhnya, tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh tiga staf UniMAP yang bakal bersara iaitu **PM Abdul Halim Abdul (bekas Dekan IMK), En Abdul Aziz Najimudin (Ketua Penolong Pendaftar) dan En Ku Mansor Ku Din (Juruteknik Kanan)**.
4. Penganjuran majlis ini menjadi bukti bahawa pihak universiti sentiasa mengambil berat soal kebajikan staf yang menjadi pendokong utama pembangunan universiti yang semakin dikenali dinegara ini maupun dirantau ini.
5. Saya difahamkan juga bahawa majlis seumpama ini pernah dianjurkan sebelum ini bagi tujuan yang sama iaitu menghargai sumbangan staf-staf yang bersara. Ia akan menjadi amalan positif yang akan diteruskan dari masa ke semasa insyaallah.

Hadirin dan hadirat sekalian

6. Staf merupakan aset penting yang akan diberikan perhatian yang sewajarnya. Tanpa sokongan dan penglibatan mereka tidak mungkin universiti ini berjaya menempa nama samada dalam bidang penyelidikan mahupun pembangunan akademiknya.
7. Atas kesedaran itu, pihak pengurusan universiti terus bersusaha untuk meningkatkan kompetensi staf dengan pelbagai pendekatan. Antaranya melalui **latihan, pendedahan dan kolaborasi dengan pihak luar** untuk melahirkan staf yang berpengalaman, berkemahiran di dalam bidang masing-masing disamping berkeyakinan tinggi dan berakhhlak mulia untuk mendepani cabaran yang akan mendarat dan terus relevan dengan tuntutan semasa.
8. Dalam era Tranformasi Pentadbiran Awam yang menjadi fokus utama kerajaan pada masa ini, institusi pengajian tinggi juga dilihat sebagai peneraju utama perubahan minda di dalam usaha melahirkan modal insan kelas pertama yang bakal menjadi pemimpin didalam sektor industri, sektor awam mahupun menceburkan diri didalam bidang perniagaan.
9. Oleh itu, saya berharap agar semua warga UniMAP akan terus memberikan komitmen yang terbaik didalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan serta sentiasa menjaga nama baik universiti daripada sebarang ancaman luar yang boleh menjatuhkan maruah dan nama baik organisasi.
10. Seperti yang telah kita sedia maklum, bukan mudah untuk meletakkan UniMAP sepertimana tahap kita berada sekarang kerana ia memerlukan pengorbanan semua pihak yang sama-sama berjuang untuk membangunkan dan memartabatkan universiti ini.
11. Di kesempatan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pesara pada tahun 2014 yang telah banyak berjasa kepada universiti.

12. Kita doakan semoga perjalanan hidup staf-staf yang telah bersara ini bersama keluarga tercinta mendapat hidayahNya dan sentiasa diberikan kesihatan yang baik serta ketenangan.

Hadirin dan hadirat sekalian

PENUTUP

13. Rasanya cukuplah setakat ini ucapan saya pada petang ini. Harapan saya semoga penganjuran majlis seumpama ini akan diteruskan pada masa akan datang untuk menghargai dan mengiktiraf sumbangan staf yang telah menaburkan bakti kearah merealisasikan misi dan visi universiti untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang dihormati dan tersohor dirantau ini.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.